كيتاب الؤصول والفورؤ من العقإد اسلاميه

Kitab al Usul wal Furu’ minal Aqaid Islamiyyah.

Dengan nama ALLAH, Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih

Kitab ini mengumpulkan perbedaan usul dan furu’ aqidah umat Islam dalam memahami sifat ALLAH S.W.T dengan pelbagai pandangan dan anasir secara umum, supaya selamat dari kegelinciran aqidah yang selamat dan benar. Semoga merenungi setiap satunya, dan bertanyalah kepada ahlu dzikri wal mutakallimin dalam perkara ini

كيتاب الؤصول والفورؤ من العقإد اسلاميه

Kitab al Usul wal Furu’ minal Aqaid Islamiyyah.

Falasifah memahami ayat Khobariyyah dengan kedua ayat Mutasyibahat dan Ayat Muhkamat, dengan Tanzih Mutlaq ke atas Sifat ALLAH S.W.T, peniadaan Sifat Tsubutiyyah dan Nafiyyah pada Dzat ALLAH S.W.T. Hanya sifat cinta difaydh(dilimpahkan) menumpahi kepada seluruh alam dan makhluk, dibahagi ke sepuluh aqal bermula aqal kulliyyah alam ahadi yang bersifat basith, hingga alam amr dan mitsal memberi

كيتاب الؤصول والفورؤ من العقإد اسلاميه

Kitab al Usul wal Furu’ minal Aqaid Islamiyyah.

gambaran murakkabb yang bersifat basith dan akhir alam khalqi yang bersifat yang nyata murakab. ALLAH mengatasi segala nama dan sifat. Tiada Isbat mahupun Majaz dalam sifat ALLAH S.W.T.

Jahmiyyah memahami sifat Khobariyyah dengan kedua ayat Mutasyabihat dan ayat Muhkamat dengan Ta’thil Mutlaq ke atas sifat ALLAH S.W.T, kerana memberi natijah penyerupaan sifat ALLAH

dengan sifat makhluk. Sifat bukan bahagian daripada Dzat, tetapi sesuatu yang diciptakan sebagai perantaraan, yang mana makhluk lain boleh menumpang dan menyatu tersebut. ALLAH S.W.T tidak bernama dan tidak bersifat sama ada sebelum ciptaan mahupun setelah ciptaan.

Isma'iliyyah memahami sifat Khobariyyah dengan kedua ayat Mutasyabihat dan ayat Muhkamat, dengan konsep Tanzih Mutlak

yakni tidak boleh adanya Sifat Tsubutiyyah dan Nafiyyah pada Dzat ALLAH S.W.T kerana DIA melangkaui daripada sebarang nama dan sifat, Ta'limiyyah mengikuti Para Imam Maksum memberi maksud sifat-sifat ALLAH tersebut, dan Tajridiyyah yang mana Pelepasan ALLAH daripada hubungan langsung dengan makhluk. Sifat-sifat disebutkan dalam Qur'an adalah simbolik.

كيتاب الؤصول والفورؤ من العقإد اسلاميه

Kitab al Usul wal Furu’ minal Aqaid Islamiyyah.

Zaydiyyah memahami sifat khobariyyah sebagai ayat Mutasyabihat dengan konsep Tanzih Bilaqliyyah, penyucian mutlak, dengan maksud sifat ma'ani bukan zaidah atau hal. Penekanan Isbat bahawa Sifat itu sebahagian daripada Dzat dan tidak berdiri sendiri namun sifat-sifat itu wujud tanpa pengertian logik mengimbangi nas dan akal, adakala memberati takwil sekiranya ada syubhat penyerupaan seperti makhluk

كيتاب الؤصول والفورؤ من العقاإد اسلاميه

Kitab al Usul wal Furu’ minal Aqaid Islamiyyah.

Ja'afariyyah memahami sifat Khobariyyah sebagai ayat Mutasyabihat dan Muhkamat sekaligus dengan konsep Tajallil Sifat BizatiLLAH, yakni ALLAH memancarkan nama-NYA dan sifat-NYA ke atas makhluk. Meskipun sifat Tuhan perlu ditanzihkan dan diisbatkan. Sifat dan Dzat tidak beza sepertimana dipegang oleh Mu'tazilah.

كيتاب الؤصول والفورؤ من العقاٍد اسلاميه

Kitab al Usul wal Furu’ minal Aqaid Islamiyyah.

Hanbaliyyah memahami sifat Khobariyyah sebagai Muhkamat dengan konsep Tanazzuh Dzatiyyah atau Tanzihil Sifat, yakni ALLAH memiliki sifat yang unik dan tidak memiliki penyerupaan dengan segala bentuk wajah makhluk. Dua pandangan mazhab berbeza kalangan Hanbaliyyah, Tanazzuh Dzat yakni dengan Konsep Isbat manakala satu mazhab Hanbaliyyah lain, Tanzihil Sifat yakni dengan konsep Tafwidh Hakiki atau Ma'ana yang

menyerahkan kaifiyyah dan rupa sifat ALLAH, Maha Suci daripada penyerupaan makhluk, dan sesuai dengan keagungan-NYA.

Mu'taziliyyah memahami sifat Khobariyyah sebagai ayat Mutasyabihat sifat ALLAH dengan konsep Samaratus Sifat(Kerangkuman Sifat dengan Dzat) dan menafikan Muta'adidul Qudama' yakni menafikan Qadim Sifat daripada Qadim Dzat. Contoh ALLAH berilmu dengan Dzat-NYA

كيتاب الؤصول والفورؤ من العقاإد اسلاميه

Kitab al Usul wal Furu’ minal Aqaid Islamiyyah.

tetapi menafikan sekiranya disebut berilmu dengan Sifat-NYA

Asy'ariyyah memahami sifat Ma'ani ALLAH mengenai ayat Khobariyyah sebagai ayat Mutasyabihat dengan konsep Zaidah(tambahan) pada Dzat ALLAH S.W.T Yang mana Sifat itu tidak lain daripada Dzat itu sendiri, Maha Suci daripada kebaharuan sifat Makhluk

كيتاب الؤصول والفورؤ من العقإد اسلاميه

Kitab al Usul wal Furu’ minal Aqaid Islamiyyah.

Maturidiyyah memahami sifat Ma'aniwiyyah mengenai sebagai sifat Khobariyyah yakni tidak muhkamat mahupun bersifat Mutasyabihat dengan konsep Hal pada Dzat ALLAH S.W.T. Yang mana Sifat sendiri tidak wujud secara bebas tetapi dalam bentuk hal, yakni ALLAH dalam keadaan senantiasa dengan sifat Ma'anawiyyah.

كيتاب الؤصول والفورؤ من العقإد اسلاميه

Kitab al Usul wal Furu’ minal Aqaid Islamiyyah.

Berusahalah memahami aqidah utama Hanbaliyyah, Asya’irah dan Maturidiyyah. In syaa ALLAH.